

15/08/1999

Mahathir rangsang Melayu bersaing

Zainudin Isa

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata satu-satunya keistimewaan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ialah kemampuannya melahirkan keyakinan rakyat terutama, orang Melayu untuk bersaing dengan bangsa yang sudah maju.

Dr Mahathir juga, menurut timbalannya itu, sebagai seorang pemimpin dan negarawan yang kaya dengan idea serta pemikiran baru sebelum dan sewaktu menjadi Perdana Menteri.

"Sebenarnya Dr Mahathir boleh dianggap pemangkin terbesar dalam proses pembangunan negara dan memajukan bangsa.

"Beliau mencapai kejayaan yang paling istimewa iaitu dapat melahirkan meyakinkan rakyat Malaysia, khususnya di kalangan orang Melayu bahawa mereka boleh mencapai kejayaan yang tinggi jika sekiranya mereka sanggup berusaha dan tidak dibelenggu dengan perasaan rendah diri," katanya selepas merasmikan Seminar Pemikiran Dr Mahathir, di sebuah hotel terkemuka di sini semalam.

Enam kertas kerja dibentangkan pada seminar sehari anjuran sekumpulan cendekiawan, ahli perniagaan dan pemimpin politik tempatan.

Sebelum itu, Abdullah memberikan ucapan dasar secara tertutup kira-kira dua jam dan tidak membenarkan media masa membuat rakaman ucapannya.

Pada sidang akhbar itu, Abdullah berkata, seminar berkenaan sangat sesuai kerana pemikiran Dr Mahathir terbukti membawa pembangunan dan perubahan kepada negara ini.

Menurut Abdullah, setahunya idea dan pemikiran segar Dr Mahathir datang daripada tabiatnya yang suka membaca buku, terutama berkaitan dengan pengurusan dan perancangan ekonomi, pemikiran strategik, globalisasi dan industri teknologi maklumat.

"Apa yang sering ditekankan oleh Dr Mahathir ialah memberi segala prasarana kepada rakyat Malaysia untuk menguasai ilmu pengetahuan, kemahiran dan apa jua bentuk profesionalisme kerana beliau mengetahui ilmu pengetahuan itu adalah langkah pertama ke arah menjadikan kita bangsa yang maju dan berjaya," katanya.

Malah, menurut Abdullah, kesederhanaan pemikiran Dr Mahathir sebagai seorang pemimpin Islam bukan sahaja dihormati masyarakat dunia Islam, tetapi turut disanjunginya kalangan bukan Islam.

"Saya tahu kerana saya mengikuti banyak acara Perdana Menteri memberi pandangannya, terutama isu globalisasi, demokrasi, hak asasi dan pembangunan manusia yang pandangannya diterima dan disambut baik.

"Oleh itu wujudnya kerjasama di peringkat antarabangsa yang berjaya seperti Dialog Langkawi yang diterima oleh negara Afrika dan Timur Tengah.

"Kalau beliau (Dr Mahathir) seorang pemikir Islam yang ekstrim, nescaya dia tidak disenangi banyak orang, mungkin orang Islam sendiri mengutuknya. Kerana kesederhanaan itulah, ideanya yang sentiasa bernas dan tegas dapat diterima," katanya.

Mengenai anggapan sesetengah pihak bahawa Dr Mahathir seorang pemimpin kuku besi, Abdullah berkata: "Yalah, banyak orang kata dia seorang diktator. Kalau kita tengok peranannya sebagai pengerusi Jemaah Menteri, beliau membenarkan perbincangan yang rancak dan membolehkan semua orang memberi pandangan.

"Kadang-kadang biasa juga kertas kerjanya yang dibentangkannya diketepikan Kabinet. Ada juga yang terpaksa ditangguhkan untuk mendapatkan pandangan lain."

Timbalan Perdana Menteri berkata, sepanjang beliau menganggotai Kabinet, Perdana Menteri tidak pernah memaksa supaya semua ideanya diterima sebulat suara.

"Lama juga saya jadi menteri Kabinet, saya tak pernah lihat beliau memaksa ideanya diterima Kabinet. Apa yang berlaku perbincangan yang hangat dan kadang-kadang sampai ke tahap bertengkar.

"Tetapi semuanya dengan niat dan tujuan untuk dapat keputusan yang sebulat suara. Perdana Menteri sentiasa mengutamakan keputusan Kabinet dengan persetujuan ramai, bukan dengan cara angkat tangan, iaitu yang ramai angkat akan menang, yang tak ramai akan kalah," katanya.

(END)